

# Mahathir saran pentas ahli MT direndahkan

(P) UM 30 SEP 1985

KUALA LUMPUR, 29 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyarankan agar pentas duduk Majlis Tertinggi direndahkan atau kerusi perwakilan didekatkan kepada pentas di perhimpunan Agung UMNO yang akan datang untuk mewujudkan hubungan yang lebih mesra antara pemimpin dan anggota parti.

Presiden UMNO itu menyatakan demikian ketika memulakan ucapannya untuk menggulung perbahasan perhimpunan Agung UMNO Ke 36 di Dewan Merdeka, Kompleks UMNO, Jalan Tun Ismail di sini.

“Saya harap pentas ini di mana anggota - anggota Majlis Tertinggi duduk dapat direndahkan di per-

himpunan Agung UMNO yang akan datang. Buat masa ini ia sangat tinggi, begitu juga dengan kerusi perwakilan, hendaklah didekatkan kepada pentas Majlis Tertinggi.

“Mengikut susunan sekarang, para perwakilan dipisahkan jauh dari kami (anggota Majlis Tertinggi). Oleh itu tiada hubungan mesra sama ada dari segi suasana atau fizikal.” katanya.

Beliau berharap, susunan itu dapat diubah dengan merendahkan pentas duduk Majlis Tertinggi atau mendekatkan kerusi perwakilan ke pentas supaya hubungan yang lebih mesra antara pemimpin dan anggota UMNO boleh diwujudkan.